UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

Pejabat Pendaftar
*Registrar's Office*

Aras Bawah, Bangunan Canselori
UPNM, Kem Perdana Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur, Malaysia

+603 - 9051 3400
+603 - 9058 1536

pendaftar@upnm.edu.my
pendaftar.upnm.edu.my

LRQA CERTIFIED ISO 9001
UKAS MANAGEMENT SYSTEMS

Rujukan Kami : UPNM(P)03.11/02 Jld 8 ( 10 )
Tarikh : 8 Jun 2023

**SENARAI EDARAN DI LAMPIRAN**

Yang Berbahagia Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**PELAWAAN PENGISIAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berbesar hati mempelawa staf dan individu di Universiti Yang Berbahagia Dato'/Dr./Tuan/Puan yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan **Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Gred Utama B (VU6)**.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama surat ini dilampirkan hebahan iklan mengikut skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa. Tarikh tutup permohonan adalah pada **7 Julai 2023 (Jumaat)**.

4. Untuk makluman Yang Berbahagia Dato'/Dr./Tuan/Puan, permohonan hendaklah dihantar melalui dokumen fizikal dan dokumen digital. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

| **Dokumen Dizikal** | **Dokumen Digital** |
|---|---|
| **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia<br>Pejabat Pendaftar<br>Universiti Pertahanan Nasional Malaysia<br>Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur<br>(u.p.: Pendaftar)** | **rafizul@upnm.edu.my<br>03-90513070** |

5. Kerjasama Yang Berbahagia Dato'/Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI"**

Saya yang menjalankan amanah,

**FAZIELAH BINTI MOHAMAD**
Pendaftar

**SENARAI EDARAN :**

1. **Yang Berusaha Dr. Yong Zulina binti Zubairi**
   Pendaftar
   Pejabat Pendaftar
   Universiti Malaya (UM)
   50603 KUALA LUMPUR

2. **Yang Berbahagia Dato' Dr. Hj. Musa bin Ali**
   Pendaftar
   Universiti Sains Malaysia (USM)
   11800 PULAU PINANG

3. **Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Kamarudin bin Hj. Sadakkuthulla**
   Pendaftar
   Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
   43650 UKM Bangi
   SELANGOR DARUL EHSAN

4. **Encik Muhazam bin Mansor**
   Pendaftar
   Pejabat Pendaftar
   Bangunan Canselori Putra
   Universiti Putra Malaysia (UPM)
   43400 UPM Serdang
   SELANGOR DARUL EHSAN

5. **Puan Nor Azizah binti Ismail**
   Pendaftar
   Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
   81310 UTM Johor Bahru
   JOHOR DARUL TAKZIM

6. **Tuan Haji Muhamad Nizam bin Noordin**
   Pendaftar
   Universiti Teknologi MARA (UiTM)
   40450 Shah Alam
   SELANGOR DARUL EHSAN

7. **Puan Fazidah binti Hj. Bakhtiar**
   Pengarah Eksekutif
   Bahagian Perkhidmaatn Pengurusan
   Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
   P.O. Box 10
   50728 KUALA LUMPUR

8. **Encik Ahmad Rasidi bin Abdullah Pendaftar**
   Universiti Utara Malaysia (UUM)
   06010 Sintok
   KEDAH DARUL AMAN

9. **Tuan Haji Azlan bin Ramli**
Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
94300 Kota Samarahan
SARAWAK BUMI KENYALANG

10. **Encik Luqman Ridha Anwar**
Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Jln UMS
88400 Kota Kinabalu
SABAH NEGERI DI BAWAH BAYU

11. **Encik Helmi Zaifura bin Abdul Rahman**
Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Jalan Slim
35900 Tanjong Malim
PERAK DARUL RIDZUAN

12. **Yang Berbahagia Dato' Muhammad Haizuan bin Rozali**
Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

13. **Tuan Haji Zukiferee bin Ibrahim**
Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
21030 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN

14. **Encik Naim bi Maslan**
Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
86400 Parit Raja
Batu Pahat
JOHOR DARUL TAKZIM

15. **Encik Masdzarif bin Mahat**
Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal
MELAKA BANDAR RAYA BERSEJARAH

16. **Encik Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
26600 Pekan
PAHANG DARUL MAKMUR

17. **Cik Norsyahiza binti Hamzah**
Pendaftar
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Aras 1, Bangunan Canselori
Kampus Alam UniMAP Pauh Putra
02600 Arau
PERLIS INDERA KAYANGAN

18. **Encik Muzafar bin Mohd Din**
Pendaftar
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN

19. **Encik Khairul Eruwan bin Abdul Halim**
Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Beg Berkunci No. 01
16300 Bachok
KELANTAN DARUL NAIM

**IKLAN JAWATAN**
**TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**
**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

---

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia ingin mempelawa calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria untuk memohon jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

**MAKLUMAT JAWATAN:**

| BIL | JAWATAN | KUMPULAN PERKHIDMATAN | GRED JAWATAN | JUMLAH GAJI |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)** | **Pengurusan Tertinggi** | **Gred Utama B (VU6)** | **Minimum RM8,315.00**<br><br>**hingga**<br><br>**Maksimum RM22,445.00** |

**1. TARAF PELANTIKAN**

Pertukaran Sementara / Pinjaman / Kontrak

**2. TEMPOH LANTIKAN**

Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi

**3. KELAYAKAN**

Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) atau setaraf serta berkebolehan memimpin dan mengurus Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa. Pemohon hendaklah memenuhi dua (2) kriteria utama iaitu Kriteria Umum dan Kriteria Khusus.

## 4. KRITERIA UMUM

Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam (UA) secara umumnya mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

### i. Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

### ii. Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

### iii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

### iv. Reputasi

Menjadi "*role model"* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

### v. Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

### vi. Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* Universiti.

## 5. KRITERIA KHUSUS

Pertimbangan calon-calon Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mestilah berasaskan kriteria-kriteria khusus yang ditetapkan seperti berikut:

### i. Mempunyai PhD dan kelayakan profesional:

Ini kerana penjawat bertanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Pemilih kenaikan pangkat Guru (Profesor Madya ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD. Bagi Universiti yang berfokus seperti kejuruteraan, Malaysian Technical Universities' Networks (MTUN), kelayakan profesional perlu diberi merit yang utama memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas seorang TNC (A&A).

### ii. Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum (C*urriculum Design*):

Ini merupakan tugas hakiki TNC (A&A). Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum Universiti.

### iii. Pakar Pengajaran dan Pembelajaran:

TNC (A&A) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*SCL*), Pembelajaran Berasaskan Masalah (*PBL*), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (*POPBL*), Pembelajaran Sepanjang Hayat (*LL*), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.

### iv. Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan:

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Guru, penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

### v. Pengalaman sebagai Penyelia yang Berjaya:

Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC (A&A) bertanggungjawab dalam mempengerusikan Jawatankuasa Senat bagi Pengajian Siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

**vi. Hal Ehwal Antarabangsa:**

Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

## 6. CARA MEMOHON

Sila kemukakan permohonan bersama-sama dokumen yang berikut:

i. Surat permohonan rasmi.

ii. *Curriculum Vitae (CV)* terkini yang mengandungi maklumat-maklumat berikut berserta gambar berukuran pasport:

a. Latar belakang peribadi, keluarga, alamat surat-menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi;
b. Latar belakang kelayakan akademik / pendidikan dan kerjaya;
c. Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa;
d. Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Universiti / Pendidikan Tinggi;
e. Dua (2) nama penyokong sebagai Pakar Rujuk (*Referee)*.

iii. Curriculum Vitae (CV) Kepimpinan seperti di **Lampiran A**

iv. Borang Kriteria TNC seperti di **Lampiran B**

v. *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

vi. Dokumen-dokumen sokongan (jika berkaitan)

vii. Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**
**Pejabat Pendaftar**
**Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**
**Kem Sg. Besi**
**57000 Kuala Lumpur**
**(u.p.: Pendaftar)**

**7.** Tarikh tutup permohonan adalah pada **7 Julai 2023 (Jumaat).**

**8.** **PERTANYAAAN:**

Sebarang pertanyaan berhubung permohonan bolehlah dikemukakan kepada:

1) Encik Rafizul bin Rozlee
No Tel : 03-90513070
Emel : rafizul@upnm.edu.my

**9.** Proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka di mana pihak Universiti boleh mencalonkan mana-mana calon yang dirasakan sesuai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilih.

**10.** Calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek ke peringkat temuduga.

**LAMPIRAN A**
BGA/PROFIL/CALON/TNC/UAv3
**(Maksimum lima (5) muka surat sahaja)**

UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

Gambar Berukuran Passport

**CURRICULUM VITAE (CV) KEPIMPINAN**
**TIMBALAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI AWAM**

## MAKLUMAT PERIBADI

Nama :

Tempat Lahir :

Tempat Lahir :

No Kad Pengenalan :

No. Tel Bimbit :

E-mel :

## MAKLUMAT PERJAWATAN

Jawatan dan Gred :

Status (Tetap/Kontrak/Peminjaman :

Jabatan / PTJ :

Tarikh Mula Khidmat :

Tarikh Bersara Wajib :

## KELAYAKAN AKADEMIK

| Tahap Ijazah | Bidang | Tahun | Institusi |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |

## LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)
*(bagi tiga (3) tahun terkini sahaja)*

| TAHUN | MARKAH |
|---|---|
| | |
| | |
| | |

## LAPORAN *SCOPUS / GOOGLE SCHOLAR CITATIONS*

*Documents by author* :

*Citations by documents* :

*h-index* :

## SEJARAH PERJAWATAN

| Jawatan | Status (Sementara / Tetap / Kontrak / Peminjaman) | Agensi / Jabatan | Tarikh | Tempoh (Durasi Tahun) |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

## PENGALAMAN JAWATAN PENTADBIRAN

*(Bagi Jawatan Pentadbiran Utama Universiti – Naib Canselor , Ketua Pegawai Eksekutif, Rektor,Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Timbalan Rektor, Pengarah dan Dekan sahaja)*

| Jawatan | Universiti / Agensi / Organisasi | Tarikh | Tempoh (Durasi Tahun) | Sumbangan Signifikan (3 Sumbangan Utama Semasa Memegang Jawatan, Jika Berkaitan) |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

## AFILIASI PROFESIONAL

| Jawatan | Universiti / Agensi / Organisasi | Tarikh | Tempoh (Durasi Tahun) | Sumbangan Signifikan (3 Sumbangan Utama Semasa Memegang Jawatan, Jika Berkaitan) |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

LAMPIRAN B

**NAMA :**
**JAWATAN :**
**UNIVERSITI :**

**KRITERIA UMUM DAN KRITERIA KHUSUS**
**JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) DI UPNM**

## A) KRITERIA UMUM (PEMILIHAN TIMBALAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI AWAM)

| BIL | KRITERIA | MAKLUMAT (DIPOHON MENYERTAKAN SEGALA INPUT ATAU SUMBANGAN BERKAITAN DENGAN KRITERIA MENGIKUT GLOSARI DIBERI) |
|---|---|---|
| 1 | **Kecemerlangan Akademik**<br><br>Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional. | |
| 2 | **Pengiktirafan Antarabangsa**<br><br>Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara. | |

| | | |
|---|---|---|
| 3 | **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**<br><br>Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon. | |
| 4 | **Reputasi**<br><br>Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar. | |
| 5 | **Personaliti**<br><br>Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama | . |

## B) KRITERIA KHUSUS (PORTFOLIO TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

| BIL | KRITERIA | MAKLUMAT<br>(DIPOHON MENYERTAKAN SEGALA INPUT ATAU SUMBANGAN BERKAITAN DENGAN KRITERIA MENGIKUT GLOSARI DIBERI) |
|---|---|---|
| 1 | **Mempunyai PhD dan kelayakan profesional**<br><br>Ini kerana penjawat bertanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Pemilih kenaikan pangkat Guru (Profesor Madya ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD. Bagi Universiti yang berfokus seperti kejuruteraan, Malaysian Technical Universities' Networks (MTUN), kelayakan profesional perlu diberi merit yang utama memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas seorang TNC (A&A). | |
| 2 | **Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum (*curriculum design*)**<br><br>Ini merupakan tugas hakiki TNC (A&A). Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum Universiti. | |

| | | |
|---|---|---|
| **3** | **Pakar Pengajaran dan Pembelajaran**<br><br>TNC (A&A) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*SCL*), Pembelajaran Berasaskan Masalah (*PBL*), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (*POPBL*), Pembelajaran Sepanjang Hayat (*LL*), Penaksiran dan *Outcome Based Education*. | |
| **4** | **Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan:**<br><br>Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Guru, penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa. | |
| **5** | **Pengalaman sebagai Penyelia yang Berjaya**<br><br>Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC (A&A) bertanggungjawab dalam mempengerusikan Jawatankuasa Senat bagi Pengajian Siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah. | |

| | | |
|---|---|---|
| **6** | **Hal Ehwal Antarabangsa**<br><br>Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa. | |